



<p>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum tuan/puan membuat keputusan untuk memohon Bil Penerimaan-i (AB-i) (Jualan). Pastikan juga tuan/puan membaca <u>terma di dalam surat tawaran</u>. Minta penjelasan daripada Bank sekiranya tuan/puan tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma amnya.)</p>	<p>PUBLIC ISLAMIC BANK BERHAD 197301001433 (14328-V)</p> <p>BIL PENERIMAAN-i (AB-i) (Jualan)</p> <p>TARIKH :</p>																
<p>1. Apakah produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> AB-i (Jualan) ialah bil pertukaran yang dikeluarkan oleh pengimport/penjual (pelanggan) dan diterima oleh Bank Penerimaan berdasarkan konsep Syariah Bai' Al Dayn AB-i (Jualan) adalah untuk membiayai penjualan barangan berkaitan perdagangan yang sebenar, dibuktikan dengan dokumen yang sempurna dan lengkap. AB-i (Jualan) dikawal oleh Garis Panduan BNM mengenai Bil Penerimaan-i. 																	
<p>2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?</p> <ul style="list-style-type: none"> Bai' Al Dayn - Jualan hutang berikutan daripada urus niaga perdagangan dan perkhidmatan dalam bentuk pembayaran tertunda. Hutang/bayaran belum terima tuan/puan berikutan daripada urus niaga tersebut akan dijual kepada bank pada amaun diskaun yang dipersetujui yang akan dibayar oleh bank secara serta-merta Wa'd - Janji sebelah pihak (unilateral) yang merujuk pernyataan komitmen yang diberikan oleh satu pihak kepada pihak yang lain untuk melaksanakan tindakan tertentu pada masa hadapan. 																	
<p>3. Apakah yang saya peroleh daripada produk ini?</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin-bottom: 10px;"> <tr> <td style="width: 30%; padding: 5px;">Amaun/Had Kemudahan</td> <td style="padding: 5px;">Amaun pembiayaan minimum ditetapkan pada RM50,000 dan amaun pembiayaan yang diluluskan adalah berdasarkan penarafan kredit pelanggan</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Tempoh pembiayaan</td> <td style="padding: 5px;">Tempoh maksimum 180 hari.</td> </tr> </table> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th colspan="2" style="text-align: left; padding: 5px;">Bil Perdagangan - AB-i (Jualan)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="padding: 5px;">Amaun/Had Kemudahan</td> <td style="padding: 5px;">: RM_____</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Kadar Komisen* AB-i (Jualan) - Tempatan</td> <td style="padding: 5px;">: _____% setiap tahun</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Kadar Keuntungan AB-i (Jualan) - Tempatan</td> <td style="padding: 5px;">: Tertakluk kepada Kos Dana Islam semasa yang ditentukan pada hari pembiayaan</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Kadar Komisen* AB-i (Jualan) - Asing</td> <td style="padding: 5px;">: _____% setiap tahun</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Kadar Keuntungan AB-i (Jualan) - Asing</td> <td style="padding: 5px;">Tertakluk kepada Kos Dana Islam semasa yang ditentukan pada hari pembiayaan</td> </tr> </tbody> </table> <p>*Tertakluk pada penarafan kredit pelanggan.</p>		Amaun/Had Kemudahan	Amaun pembiayaan minimum ditetapkan pada RM50,000 dan amaun pembiayaan yang diluluskan adalah berdasarkan penarafan kredit pelanggan	Tempoh pembiayaan	Tempoh maksimum 180 hari.	Bil Perdagangan - AB-i (Jualan)		Amaun/Had Kemudahan	: RM_____	Kadar Komisen* AB-i (Jualan) - Tempatan	: _____% setiap tahun	Kadar Keuntungan AB-i (Jualan) - Tempatan	: Tertakluk kepada Kos Dana Islam semasa yang ditentukan pada hari pembiayaan	Kadar Komisen* AB-i (Jualan) - Asing	: _____% setiap tahun	Kadar Keuntungan AB-i (Jualan) - Asing	Tertakluk kepada Kos Dana Islam semasa yang ditentukan pada hari pembiayaan
Amaun/Had Kemudahan	Amaun pembiayaan minimum ditetapkan pada RM50,000 dan amaun pembiayaan yang diluluskan adalah berdasarkan penarafan kredit pelanggan																
Tempoh pembiayaan	Tempoh maksimum 180 hari.																
Bil Perdagangan - AB-i (Jualan)																	
Amaun/Had Kemudahan	: RM_____																
Kadar Komisen* AB-i (Jualan) - Tempatan	: _____% setiap tahun																
Kadar Keuntungan AB-i (Jualan) - Tempatan	: Tertakluk kepada Kos Dana Islam semasa yang ditentukan pada hari pembiayaan																
Kadar Komisen* AB-i (Jualan) - Asing	: _____% setiap tahun																
Kadar Keuntungan AB-i (Jualan) - Asing	Tertakluk kepada Kos Dana Islam semasa yang ditentukan pada hari pembiayaan																
<p>4. Apakah kawajipan saya?</p> <ul style="list-style-type: none"> AB-i (Jualan) perlu dibayar apabila matang. Jumlah yang tuan/puan mesti bayar balik adalah termasuk caj. 																	



5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Harga dan Duti Setem	Jumlah (RM)
Kadar Keuntungan/Harga	Tertakluk pada Kos Dana Islam semasa yang ditentukan pada hari pembiayaan
Komisen*	
• Tempatan	1.25%
• Luar Negara	1.00%
*Tertakluk pada penarafan kredit pelanggan.	
Duti Setem	Ad valorem
• Perjanjian Induk Kemudahan	
• Lain-lain Sekuriti Dokumen	
✓ Surat Tawaran	10.00
✓ Caj Lampiran (Dengan Hak, jika berkenaan)	10.00
✓ Surat Ikatan Penyerahan (Tanpa Hak, jika berkenaan)	10.00
✓ Surat Jaminan/Surat Tolak Selesai (jika berkenaan)	10.00

Untuk senarai penuh fi dan caj, sila layari lama web kami melalui www.publicislamicbank.com.my.

6. Bagaimanakah jika saya gagal untuk memenuhi kewajipan saya?

6.1 Melainkan ditetapkan sebaliknya di bawah jenis-jenis kemudahan yang berkenaan, apabila berlaku kemungkiran Bank berhak untuk mengenakan yang berikut:

- a) Berikutan kegagalan untuk membayar apa-apa ansuran dan kegagalan untuk terus membayar melepasi tarikh matang Tempoh Pembiayaan atau selepas penghakiman tersebut, mana-mana yang lebih dahulu, kadar ganti rugi yang akan diterima pakai ialah ta'widh (amaun yang boleh dibayar kepada Bank berdasarkan kerugian sebenar yang dialami disebabkan kemungkiran) yang mana kadar ta'widh adalah bersamaan dengan kadar semalaman harian semasa Pasaran Kewangan Antara Bank Islam (IIMM) atas baki lampau tempoh atau apa-apa kadar seumpamanya seperti yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

Formula bagi caj bayaran lewat selepas matang adalah seperti yang berikut:

$$\text{Baki Belum Jelas} \times \text{Kadar IIMM} \times \frac{\text{Bilangan Hari Lampau Tempoh}}{365}$$

- b) Bank tidak akan menambah ganti rugi yang mesti dibayar kepada amaun pokok/amaun pembiayaan.

6.2 Bank mempunyai hak pada bila-bila masa tanpa memberi notis kepada tuan/puan untuk mendebitkan akaun semasa/simpanan tuan/puan dengan kami bagi pembayaran bayaran bulanan pembiayaan tersebut dan apa-apa caj dan/atau yuran lain yang ditanggung dalam pemberian pembiayaan tersebut termasuk sumbangan Takaful, cukai tanah, cukai pintu, kos bagi laporan penilaian yang dikemaskinikan/disemak semula, yuran untuk carian, yuran guaman untuk penyediaan dan penyempurnaan dokumen sekuriti oleh peguam Bank, kos guaman yang ditanggung berkaitan dengan penguatkuasaan/kos pemulihan dan apa-apa kos atau perbelanjaan lain yang berkaitan dengannya.



6. Bagaimanakah jika saya gagal untuk memenuhi kewajipan saya?, sambungan

- 6.3 Jika tempoh pembiayaan berlanjutan sehingga persaraan, tuan/puan hendaklah memaklumkan kepada kami mengenai rancangan tuan/puan untuk membayar ansuran selepas persaraan tuan/puan.
- 6.4 Tuan/Puan hendaklah memberikan kepada kami semua maklumat yang berkaitan berkenaan dengan pembiayaan yang diambil daripada semua institusi kewangan, koperasi, persatuan pembinaan, syarikat kredit dan saudagar yang menyediakan jualan kredit dsbnya. dan untuk memberi maklumat penting sepenuhnya dan setepatnya yang mempunyai kaitan dengan keputusan pembiayaan kami. Kegagalan tuan/puan untuk memberi maklumat penting dan betul dalam permohonan pembiayaan tersebut selain akibat daripada pemberian maklumat yang tidak lengkap dan tidak betul akan menyebabkan kadar pembiayaan yang lebih tinggi atau penolakan permohonan pembiayaan tuan/puan.
- 6.5 Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya tuan/puan gagal untuk bertindak terhadap notis-notis peringatan. Harta tuan/puan mungkin dirampas dan tuan/puan terpaksa menanggung semua kos guaman. Tuan/Puan juga bertanggungjawab untuk membayar apa-apa kurangan selepas harta tuan/puan dijual.
- 6.6 Tindakan undang-undang terhadap tuan/puan mungkin menjejaskan penarafan kredit tuan/puan yang boleh menyebabkan pembiayaan menjadi lebih sukar atau lebih mahal bagi tuan/puan.
- 6.7 Sekiranya pelanggan tidak dapat dihubungi, tanggungjawab Bank dianggap telah disempurnakan sekiranya notis sedemikian telah dihantar ke alamat terakhir pelanggan sekurang-kurang tujuh (7) hari lebih awal.

7. Apakah risiko utama?

- Sekiranya tuan/pual gagal melunaskan AB-i (Jualan) yang telah matang, tuan/puan tidak dibenarkan untuk terus menggunakan kemudahan tersebut dan proses pemungutan semula mungkin melibatkan proses guaman yang akan dikenakan terhadap tuan/puan untuk mendapatkan semula amaun yang lampau tempoh. Sekiranya tuan/puan menghadapi masalah untuk memenuhi kewajipan pembayaran, hubungi kami lebih awal untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran.

8. Bolehkah saya menyelesaikan kemudahan itu sebelum kematangannya?

- Rebat (Ibra') merujuk tindakan seseorang untuk melepaskan haknya untuk memungut bayaran yang perlu daripada orang lain. Bank boleh memberi rebat (ibra') kepada pelanggan pembiayaan berasaskan jualan yang menyelesaikan kemudahan mereka sebelum tempoh penyelesaian yang dipersetujui seperti yang ditetapkan dalam perjanjian.
- Penyelesaian awal tidak dibenarkan di bawah kemudahan ini kecuali bagi AB-i (Jualan) yang Bank Penerimaan adalah pembawa AB-i (Jualan) tersebut dan AB-i (Jualan) tidak dijual semula oleh Bank Penerimaan dalam pasaran kedua.
- Sebaik sahaja AB-i (Jualan) diselesaikan lebih awal, AB-i (Jualan) akan dibubarkan dan obligasi Bank Penerimaan, pengendors (jika ada) dan pengeluar akan dilepaskan.
- Contoh Pengiraan:

$$\begin{aligned}\text{Rebat (Ibra')} &= \text{Amaun nilai muka (FV)} - \text{Amaun Penebusan (RA)} \\ &= \text{RM50,000.00} - \text{RM49,890.41} \\ &= \text{RM109.59}\end{aligned}$$

Amaun penebusan awal hendaklah dikira seperti di bawah:

$$\text{RA} = \text{FV} (1 - \text{RT}/36500)$$

Yang mana;

$$\begin{aligned}\text{RA} &= \text{Amaun Penebusan} \\ \text{FV} &= \text{Nilai Muka atau Nilai Kematangan} \\ \text{R} &= \text{Kadar penebusan dipersetujui bersama (dalam peratus setahun)} \\ \text{T} &= \text{Bilangan hari yang tinggal sebelum tarikh kematangan asal}\end{aligned}$$



8. Bolehkah saya menyelesaikan kemudahan itu sebelum kematangannya?, sambungan

Nilai muka AB-i ialah RM50,000.00, kadar penebusan ialah 4% dan bilangan hari yang tinggal sebelum tarikh kematangan ialah 20 hari.

$$\begin{aligned} RA &= FV (1 - RT/36500) \\ &= RM50,000.00 (1 - 4 \times 20/36500) \\ &= RM50,000.00 (1 - 4 \times 0.0005479452) \\ &= RM50,000.00 (0.9978082192) \\ &= RM49,890.41 \end{aligned}$$

9. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

- Ya, anda digalakkan untuk mengambil perlindungan Takaful untuk melindungi secukupnya aset/barang. Anda boleh memilih perlindungan Takaful dengan mana-mana Pengendali Takaful dalam panel bank atau mana-mana Pengendali Takaful yang diterima oleh bank.

10. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butir-butir untuk menghubungi saya?

- Adalah penting untuk tuan/puan memaklumkan kepada kami (notis bertulis hendaklah dihantar kepada cawangan yang memegang akaun) mengenai apa-apa perubahan dalam maklumat tuan/puan bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada tuan/puan tepat pada masanya.

11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan tebus rugi?

- Sekiranya tuan/puan mempunyai masalah untuk membuat pembayaran, tuan/puan boleh menghubungi kami dengan secepat mungkin untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran.
- Sekiranya tuan/puan ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang kami berikan, tuan/puan boleh menghubungi kami di:

Public Islamic Bank Berhad
Tingkat 25, Menara Public Bank
146 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

Telefon : 03-2170 8000
Faks : 03-2162 2224
E-mel : islamicbkg@publicislamicbank.com.my
Laman Web : <https://www.publicislamicbank.com.my>

- Selain itu, tuan/puan boleh juga mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberi perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Tuan/Puan boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 5 & 6
Menara Bumiputra Commerce
Jalan Raja Laut
50350, Kuala Lumpur

Telefon : 03-2616 7766
E-mel : enquiry@akpk.org.my



11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan tebus rugi?, sambungan

- Sekiranya pertanyaan atau aduan tuan/puan tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan, tuan/puan boleh menghubungi TELELINK Bank Negara Malaysia di:

Pusat Hubungan Pelanggan (BNMTELELINK)

Bank Negara Malaysia

P.O. Box 10922

50929 Kuala Lumpur

Telefon : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
: +603-2174 1717 (Panggilan dari luar negeri)
Waktu Operasi : 9:00 pagi – 5:00 petang (Isnin – Jumaat kecuali cuti umum)
Web Form (Borang Web) : telelink.bnm.gov.my

12. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya tuan/puan memerlukan maklumat lanjut, sila layari laman web Public Islamic Bank melalui www.publicislamicbank.com.my.
- Kunjungi cawangan Public Bank/Public Islamic Bank yang berhampiran.

13. Apakah Kemudahan Lain yang Disediakan?

- Surat Kredit-i
- Jaminan Jurubank-i
- Jaminan Perkapalan-i
- Resit Amanah-i
- Bil Penerimaan-i (Pembelian)

NOTA PENTING: CAGARAN TUAN/PUAN MUNGKIN AKAN DIRAMPAS SEKIRANYA TUAN/PUAN TIDAK MEMBUAT BAYARAN UNTUK KEMUDAHAN TUAN/PUAN.

Butiran di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja, kadar keuntungan dan caj mungkin berubah dan tertakluk kepada terma dan syarat Bank.

Tandatangan/Tarikh:

Nama Pegawai/Pegawai Pemasaran:

- Saya mengesahkan bahawa sesalinan lembaran pendedahan produk ini telah diberi dan dijelaskan kepada pemohon.
- Maklumat yang terdapat dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada tarikh yang dinyatakan di dalam ini.